

Singapura didakwa kuasai akhbar tempatan

BH 4 MAR 2002
BATU PAHAT, Ahad - Kerajaan diminta memberi penjelasan mengenai kedudukan dua syarikat akhbar berbahasa Inggeris utama negara ini yang didakwa turut dikuasai kuasa asing, sejak beberapa tahun lalu.

Ketika membuat dakwaan itu, Timbalan Ketua Pemuda Keadilan, Saifudin Nasution Ismail, menyifatkan penyertaan Kerajaan Singapura sebagai pemegang saham keempat terbesar dalam kedua-dua syarikat akhbar itu, amat membimbangkan.

"Kami mendesak Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memberi penjelasan mengenai perkara ini," katanya kepada pemberita selepas konvensyen Pemuda Keadilan Johor di Yong Peng, di sini, petang semalam.

Beliau berkata, Pemuda Keadilan bimbang dengan perkembangan itu yang bercanggah dengan laungan Perdana Menteri berhubung penjajahan kuasa asing ke atas negara ini.

Ini kerana, katanya, perkembangan itu turut melayakkan kera-

jaan asing terbabit mempunyai hak, termasuk menempatkan wakil mereka dalam dua syarikat akhbar berkenaan.

"Apa yang dibimbangkan ialah akhbar yang diterbitkan dua syarikat ini mempunyai pengaruh dan mampu membentuk pemikiran rakyat," katanya.

Saifudin berkata, perkembangan itu juga menunjukkan perselisihan faham dan pertelingkahan antara kedua-dua negara berhubung beberapa isu sebelum ini hanya lakonan semata-mata.